

Wanita tidak mengaku bantu uruskan tempat perjudian

MIRI: Mahkamah Majistret di sini, semalam memerintahkan seorang wanita dibebaskan dengan jaminan RM1,500 berserta seorang penjamin tempatan setelah mengaku tidak bersalah atas tuduhan membantu menguruskan tempat perjudian.

Mahkamah kemudian menetapkan 16 Disember depan sebagai tarikh pengu-rusan kes.

Davline Aren Austin Ajang, 23, dari Kampung Muhibbah, Kuala Baram, telah didakwa membantu menguruskan tempat perjudian dengan mengendalikan sebuah telefon bimbit.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 1.30 petang, 16 November lalu di sebuah premis di Jalan North Yu Seng di sini.

Bagi kesalahan itu, tertuduh telah di dakwa mengikut Seksyen 4 (1) (c) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dan dihukum di bawah Seksyen 4 (1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak kurang daripada RM5,000 serta tidak melebihi RM50,000 dan penjara tidak melebihi tiga tahun dan sebagai tambahan denda tidak kurang daripada RM5,000 dan tidak melebihi RM50,000 bagi setiap mesin atau perkakas perjudian yang dirampas.

Pendakwaan kes dikendalikan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman di hadapan Majistret Sandy Yvette Freddy, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.